


JOURNAL OF
**CONTEMPORARY
ISLAMIC STUDIES**

Vol. 2, Issue 1 2016

ISSN 2289-9634



Academy of Contemporary Islamic Studies
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES

Chief Editor

Associate Professor Dr. Siti Khadijah Ab Manan

Managing Editor

Dr. Mohd Asmadi Yakob

Dr. Noorul Huda Sahari

Editorial Team

Associate Professor Dr. Pisol Maidin

Associate Professor Dr. Nurhidayah Muhammad Hashim

Associate Professor Dr. Siti Akmar Abu Samah

Dr. Mohd Afendi Mat Rani

Dr. Nur Nafhatun Md Shariff

Dr. Muhammad Arsyad Abdul Majid

Ms. Thuraya Ahmad

Advisory and Review Board

Professor Emeritus Dato Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Abd Majid

Universiti Islam Antrabangsa Malaysia

Professor Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Professor Dato' Dr. Mohd Zamri Zainuddin

Universiti Kebangsaan Malaysia

Professor Dato' Dr. Mohd Yakub@Zulkifli Yusof

Universiti Malaya

Professor Dato' Dr. Mohd Zamri Zainuddin

Universiti Islam Antrabangsa Malaysia

Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar

Amani International

Professor Dr. Muhamad Rahimi Osman

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Professor Dr. Humayon Dar

Edbiz Consultant, United Kingdom

Professor Dr. Lindsey Timothy Charles

Melbourne University, Australia

Professor Dr. Rashidah Abdul Rahman

King Abdul Aziz University, Jeddah

Professor Dr. Najibah Mohd Zain

Universiti Islam Antrabangsa Malaysia

Professor Dr. Muhammad Syukri Salleh

Universiti Sains Malaysia

Professor Dr. Joni Tamkin Borhan

Universiti Malaya

Professor Dr. Dzulhilmi Mohd Zain

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Associate Professor Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil

Int. Inst. of Adv. Islamic Studies, Malaysia

©2016 *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)* is a fully refereed journal published annually by the Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Shah Alam Malaysia, 40450 Shah Alam Selangor, Malaysia

Disclaimer:

The views and opinions expressed therein are those of the individual authors, and the publication of those statements in JCIS does not imply endorsement by the publisher or the editorial staff. Copyright is reserved jointly by Universiti Teknologi MARA and Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS).

The illustrated image at the front cover of JCIS is a diwani's calligraphic art of Qur'anic verse: وَقُلْ رَبِّ رَزِّنِي عَلَيْماً which means "...and say, "my Lord! increase me in knowledge" (Thoha: 114). The verse is indeed, implies our prayer to call for the enhancement of our knowledge. The true knowledge that can lead to the absolute truth and prosperity; combination of revealed and contemporary knowledge. Therefore, JCIS is one of the medium for disseminating these knowledge.

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES

Vol. 2, Issue 1 2016

Published by:
Academy of Contemporary Islamic Studies
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Malaysia

Designed & Printed by:
Intel Multimedia & Publications
Shah Alam
(019-3799101/intelmap@yahoo.com)

JOURNAL OF CONTEMPORARY ISLAMIC STUDIES

CONTENTS

| | |
|---|----|
| The Reasoning Pattern of Islamic Jurists' Views on Ar-Rahn (Islamic Pawn Broking) Contract and Its Ruling <i>Dziauddin Sharif, Amir Shaharuddin & Nurul Aini Muhamed</i> | 1 |
| Application of Rasch Measurement Model in Quality Evaluation of Shariah Compliant Gold Investment (SCGI) Instrument <i>Najahudin Lateh & Ghafarullahhuddin Din</i> | 19 |
| The Best Interest of the Child: An Analysis of the Judicial Approaches in Assessing Child Maintenance Applications in Shariah Courts <i>Nurhidayah Hashim & Tim Lindsey</i> | 35 |
| An Overview of Ibra' Implementation in Malaysian Islamic Banks <i>Mohd Ab Malek Md Shah, Jeniwayati Mohd Jody, Mohd Harun Shahudin & Sulaiman Mahzan</i> | 59 |
| Behavioural Response Patterns on the Organisational Factors Influencing Compliance Behaviour of Business Zakat <i>Mohd Rahim Khamis</i> | 69 |
| Interactive Multimedia for Learning Hajj <i>Ilinadia Jamil & Zainal Kadir</i> | 85 |

| | |
|---|-----|
| Kesedaran Pelabur Harta Tanah Terhadap Sistem Kewangan Islam <i>Rohayu Ab. Majid & Rosli Said</i> | 97 |
| Kekerapan Penerbitan di SCOPUS Mengenai Flora- Flora dalam Al-Quran dan Al-Hadith <i>Mohd Asmadi Yakob, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika @ Munirah Abd Razzak Khadher Ahmad, Nurulwahidah Fauzi, Khalijah Awang, Rozana Othman & Mohd Rais Mustafa</i> | 123 |
| Perkongsian Pendapatan Suami Isteri dalam Keluarga Islam dan Impak kepada Kualiti Hidup <i>Azhar Abdul Aziz, Raihanah Hj Azahari & Khairul Faezi Mohd Said</i> | 143 |
| تطور الاستشراق <i>Haitham Ibrahim Ahmad al-Sharu, Salmah Ahmad & Muhammad Nur Abdullah</i> | 161 |

Perkongsian Pendapatan Suami Isteri dalam Keluarga Islam dan Impak kepada Kualiti Hidup

Azhar Abdul Aziz^{1*}, Raihanah Hj Azahari² & Khairul Faezi Mohd Said³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor,
Kampus Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

²Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur,

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor

*Pengarang Penghubung
azhar952@salam.uitm.edu.my

ABSTRAK

Amalan dalam keluarga Islam dimana isteri bekerja untuk membantu suami dalam perbelanjaan rumah tangga bukanlah sesuatu yang baharu. Malah ia telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Bagaimanapun fenomena perkongsian pendapatan ini telah pun dibincangkan oleh fuqaha tetapi secara implisit. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak amalan perkongsian pendapatan dan kadar sumbangan suami terhadap perbelanjaan untuk peningkatan kualiti hidup yang menepati tuntutan *ma'ruf*. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan di Shah Alam terhadap 500 responden menggunakan metod *purposive cluster random sampling*, dapatkan kajian menunjukkan bahawa isteri telah menyumbang separuh daripada pendapatan mereka dalam aspek perbelanjaan untuk menjamin kualiti hidup. Malahan, hasil kajian ini turut menunjukkan bahawa perbelanjaan yang diberikan suami tidak menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup dan tidak menepati tuntutan *ma'ruf*. Kajian mendapati, sejumlah 9.5% suami telah mengabaikan langsung nafkah asasi dan 12.2% bagi perbelanjaan nafkah untuk peningkatan kualiti hidup. Manakala 52.6% suami yang memberikan nafkah tidak menepati tuntutan *ma'ruf* dalam nafkah asasi dan 53.2% bagi perbelanjaan nafkah untuk peningkatan kualiti hidup. Kajian ini mencadangkan bagi mencapai had *ma'ruf* dalam perbelanjaan, suami haruslah menyumbang 2/3 manakala isteri pula menyumbang 1/3 daripada keseluruhan perbelanjaan untuk kualiti hidup. Cadangan untuk kajian seterusnya perlu melihat apakah aspek perbelanjaan yang paling besar dilakukan oleh suami

hingga menyebabkan nafkah yang diberikan tidak mencapai had *ma'ruf* menurut syarak.

Kata kunci: Perkongsian Pendapatan. Keluarga Islam. Kualiti Hidup. Fuqaha. Nafkah.

ABSTRACT

Having a wife to assist her husband in their spending is not uncommon nowadays. In fact, the scenario had been practiced way back in the early period of Islam and the scholars had implicitly discussed it. This study aimed to investigate the impact of income sharing on the quality of life of a family in line with the al-maaruf concept. The study adopts a survey method on the population comprising of working wives. A total of 500 respondents were selected using purposive random sampling. A set of questionnaire was distributed to each respondent in Shah Alam area. Findings of this study indicate that working wives contributed more than half of their incomes for the family expenses. Indeed, it is found that 9.5% husbands totally neglect the family's basic necessities and 12.2% neglect the family's comfort. In addition, 52.6% husbands do not meet the al-maaruf concept in giving nafqah for basic necessities and 53.2% were careless in giving nafqah for quality improvement of their family. The study proposed for a serious highlight to be given by the authorities in ensuring husbands to give 2/3 nafqah for the betterment of the family's quality of life.

Keywords: Sharing Income. Muslim Family. Quality life. Scholars, Maintenance.

1. Pengenalan

Prinsip asas Islam telah menetapkan bahawa kaum lelaki diberi tugas mencari nafkah untuk keluarga kerana memiliki beberapa kelebihan berbanding kaum wanita (Nafi, 1979). Tanggung jawab nafkah itu adalah wajib dan ianya tidak akan gugur walaupun isteri bekerja; waima si isteri itu kaya. Tanggung jawab suami untuk memberi nafkah isteri itu sabit dengan sebab telah sempurna akad perkahwinan (al-Syafi'ie, 1970). Ini selaras dengan firman Allah dalam surah al-Nisa' (4): 34 yang bermaksud:

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.

Kadar pemberian nafkah kepada isteri mestilah mencukupi keperluan (*kifayah*) di samping mengambil kira kemampuan kewangan suami (*ma'ruf*) (Al-Tabari, 1988). Perkataan *ma'ruf* boleh ditafsirkan sebagai menurut kecukupan dan keperluan isteri pada kadar yang patut berdasarkan kemampuan suami (Al-Razi, 1994). Keadaan ini tidak sampai ke tahap yang boleh mendatangkan kemudarat atau beban kepada suami (Ibn Kathir, 1986). Sebagai isteri, peranan mereka lebih tertumpu di rumah dan mengendalikan pelbagai urusan rumahtangga.

Kesan daripada desakan ekonomi pada hari ini bagaimanapun, telah menyebabkan peranan isteri tidak lagi tertumpu hanya di rumah. Sebaliknya mereka turut menjadi nadi penggerak kepada pembangunan ekonomi negara melalui sektor pertanian, perindustrian, perkhidmatan dan pelbagai bidang professional (Abd Rashid, 2001). Secara tidak langsung isteri yang bekerja telah turut menyumbang pendapatan mereka untuk keperluan rumah tangga. Melalui perkongsian sumber pendapatan di antara suami isteri dikatakan dapat menjamin kehidupan yang lebih berkualiti mencakupi kestabilan dan keharmonian rumah tangga, disamping dapat membantu proses perkembangan modal insan anak-anak yang baik dari aspek fizikal, spiritual, emosi dan intelektual (Khadijah, 1985). Penglibatan isteri dalam sector ekonomi sememangnya mampu menyumbang kepada peningkatan pendapatan keluarga, lantas mampu menambahbaik kualiti kehidupan keluarga tersebut. Bagaimanapun, timbul isu berkaitan tugas dan tanggungjawab suami dalam menafkah isteri dan anak-anak serta konsekuensinya terhadap kualiti kesejahteraan keluarga. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak amalan perkongsian pendapatan dan kadar sumbangan suami terhadap perbelanjaan untuk peningkatan kualiti hidup yang menepati tuntutan *ma'ruf*.

2. Definisi Perkongsian Pendapatan

Perkataan kongsi bermaksud penggabungan yang mengandungi dua atau lebih, manakala perkataan berkongsi pula bermaksud bersama-sama membayar, menggunakan, menduduki dan lain-lain lagi (Noresah, 1998). Perkataan pendapatan pula bermaksud hasil yang diperolehi seseorang yang terdiri daripada gaji dan lain-lain (Noresah, 1998). Oleh itu, apabila digabungkan istilah perkongsian pendapatan maka ianya bermaksud menggabungkan dua atau lebih hasil gaji (pendapatan) dan hasil pendapatan tersebut digunakan bersama untuk perbelanjaan.

Apabila digabungkan istilah perkongsian pendapatan dengan perkataan suami isteri maka ianya bermaksud menggabungkan dua atau lebih hasil gaji (pendapatan) dari pendapatan suami dan isteri, dan jumlah pendapatan tersebut digunakan bersama-sama untuk perbelanjaan dan keperluan rumah tangga. Dalam erti kata lain, perkongsian pendapatan boleh juga bermaksud suami dan isteri sama-sama membayar, menggunakan atau menduduki sesuatu daripada hasil pendapatan yang digabungkan bersama atau tidak digabungkan di antara suami isteri.

Gadsly (2001) telah menggunakan istilah *combine salaries* untuk menunjukkan makna yang sama dengan perkataan *combine income*. *Combine salaries* bermaksud menggabungkan sejumlah pendapatan yang diperolehi oleh dua orang atau lebih. Dalam konteks suami isteri maka istilah *combine salaries* bermaksud penggabungan pendapatan suami dan isteri daripada hasil pekerjaan mereka. Istilah *share* bermaksud seseorang membenarkan seseorang yang lain memiliki atau menggunakan sesuatu yang menjadi kepunyaannya. Istilah *income* pula bermaksud duit atau pendapatan yang diperoleh dari pekerjaan atau pelaburan (Summers et al., 2001). Oleh itu, *income sharing* bermaksud membenarkan seseorang memiliki atau menggunakan wang atau pendapatan yang diperolehnya dari pekerjaan atau pelaburan. Menurut Summers lagi, apabila dihubungkan perkataan *income sharing* dengan perkataan *between husband and wife*, maka isteri membenarkan suaminya memiliki atau menggunakan wang atau pendapatannya.

3. Perkongsian Pendapatan Menurut Ulama Mazhab

Imam Abu Hanifah dan ulama Hanafiyah membincangkan isu perkongsian pendapatan ini di bawah tajuk *Fi al-Amr Bi al-Istidanah ‘Ala al-Zawj* yang bererti perintah supaya isteri berhutang atas nama suami (Ibnu ‘Abidin, 1966). Isteri boleh berhutang atas nama suami ketika suami dalam keadaan tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan nafkah isteri iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal (kediaman). Isteri boleh berhutang untuk perbelanjaan nafkah tersebut dan hutang itu atas tanggungan suami untuk membayarnya.

Hutang boleh dibuat oleh isteri atas nama suami dengan syarat hakim atau mahkamah telah memerintahkan kepada isteri supaya berhutang. Sekiranya isteri berhutang untuk perbelanjaan nafkah dan keperluan rumah tangga bukan dengan sebab perintah daripada hakim atau mahkamah, maka tanggungan hutang tersebut adalah ke atas isteri untuk membayarnya (Ibnu ‘Abidin, 1966). Fuqaha Syafi‘iyah dan

Hanabilah pula mengharuskan suami untuk menggunakan pendapatan isteri dalam keadaan apabila suami tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan nafkah isteri dan perbelanjaan rumah tangga. Perbincangan mereka diistilahkan sebagai *I'sar al-Zawj bi al-Nafaqah* yang bererti ketidakmampuan suami untuk menafkahi isteri (Al-Bujayrimi, 1981).

Menurut ulama Syafi'iyah, apabila suami tidak memberikan nafkah dan perbelanjaan rumah tangga yang mencukupi untuk isteri, maka isteri boleh mendahulukan perbelanjaan tersebut menggunakan wangnya sendiri. Bagaimanapun, segala perbelanjaan tersebut dianggap sebagai hutang suami sekalipun hakim tidak memutuskan sebagai hutang disebabkan isteri tidak mengadu kepada mahkamah (Al-Syarbini, t.t). Sekiranya isteri mengadukan kepada mahkamah bahawa nafkah yang diberikan oleh suami tidak mencukupi, maka hakim akan memerintahkan kepada suami untuk membayar nafkah isteri mengikut kadar yang patut berdasarkan kepada keperluan isteri tersebut (Al-Syarbini, t.t).

Imam Malik pula menggunakan istilah *Tanfaqa Min Maliha 'Ala Nafsiha Wa 'Ala Zawjiha* yang bermaksud isteri menafkahi dirinya dan suaminya dengan hartanya sendiri (Imam Malik, 1323H). Ibnu Hazm juga telah menggunakan istilah yang hampir iaitu *Kallafat al-Nafaqah 'Alayhi* yang bermaksud tanggungjawab untuk nafkah dalam situasi suami yang kurang mampu ('ajz) adalah menjadi kewajipan ke atas isteri, tambahan pula bilamana kedudukan isteri lebih kaya dan berharta (Ibnu Hazm, t.t).

Imam Malik dan Ibnu Hazm menggunakan istilah *kallafat* bagi menekankan hukum wajib ke atas isteri yang kaya dan berharta untuk menanggung nafkah suaminya yang kurang berkemampuan dari segi kewangan. Perkataan *kallafat* daripada kata dasar *kalafa* bererti *ightiram* (Iqram, 1976). Perkataan *gharamah* bermaksud *ma yalzimu ada 'uhu min mal* yang bererti sesuatu yang wajib ditunaikan daripada harta. Manakala perkataan *ightiram* bermaksud *awjaba al-gharamah 'ala nafsih* yang bererti diwajibkan ke atas dirinya supaya menunaikan daripada hartanya sesuatu yang wajib ditunaikan (Iqram, 1976).

Sehubungan dengan itu, menurut pendapat Ibnu Hazm dan Imam Malik, segala harta yang telah dibelanjakan oleh isteri itu tidak boleh dituntut semula sekiranya pada masa isteri membelanjakan nafkah dengan hartanya sendiri itu suami berada dalam keadaan tidak mampu. Sebaliknya, jika pada masa itu suami berkemampuan untuk menafkahi isteri maka segala kos yang telah isteri gunakan untuk perbelanjaan itu menjadi hutang kepada suami (Imam Malik, 1323H).

4. Perkongsian Pendapatan Menurut Sarjana Kontemporari

Al-Qaradawi (2001) telah mendefinisikan perkongsian pendapatan kepada dua kaedah. Pertama ialah segala hasil pendapatan isteri telah disimpan atau dimasukkan ke dalam akaun bank suami sepenuhnya dan secara langsung pendapatan isteri itu akhirnya menjadi hak suami. Sementara kaedah kedua ialah pendapatan isteri dan pendapatan suami telah disimpan di dalam akaun bersama suami isteri, dan hasil daripada percampuran pendapatan isteri dan suami kemudiannya telah diambil atau digunakan untuk perbelanjaan rumah tangga. Namun, Al-Qaradawi telah menambah dalam pendapatnya bahawa di dalam kedua-dua kaedah perkongsian itu mestilah dilakukan dengan kerelaan isteri (Qaradhawi, 2001).

Seorang sarjana Amerika (Berns, 1993) menjelaskan salah satu faktor isteri bekerja ialah untuk menyumbang pendapatan mereka bagi memenuhi keperluan perbelanjaan anak-anak. Untuk memenuhi keperluan tersebut, suami dan isteri sama-sama berkongsi pendapatan serta berkongsi tanggung jawab untuk menanggung perbelanjaan rumah tangga. Mira Komarovsky (Mira, 1967) telah menggunakan perkataan *contributed* untuk menjelaskan perkongsian pendapatan antara suami isteri yang mendasarkan pendapatnya kepada beberapa kajian empirikal yang beliau lakukan. Kajian beliau menunjukkan bahawa isteri yang bekerja telah menyumbangkan pendapatannya untuk membeli barang keperluan rumah tangga. Dengan kata lain, wanita menyumbangkan pendapatannya untuk menambah pendapatan suami.

Menurut Jeffrey S. Turner dan Donald B. Helms (t.t), kaum wanita yang keluar bekerja adalah bertujuan untuk mencari nafkah keluarga. Kedua-dua suami dan isteri yang keluar bekerja dan mempunyai sumber pendapatan (*dual earner*) bersama-sama menyara kehidupan keluarga. Carold Colman (1983) menjelaskan pengurusan kewangan rumah tangga tidak hanya terbatas kepada bagaimana mereka mengendalikan kewangan, tetapi ianya mencakupi kaedah bagaimana suami isteri membahagikan tanggung jawab kewangan dan perbelanjaan dalam rumah tangga di antara mereka berdasarkan kepada peranan dan tugas yang diharapkan dapat disumbangkan oleh setiap pasangan dalam rumah tangga. Mary Ann Lamanna dan Agnes Reidmann (1994) telah menjelaskan, dalam amalan perkongsian pendapatan dilihat lebih bersifat pengurusan kewangan rumah tangga yang dirancang bersama oleh suami dan isteri. Menurut mereka, antara persoalan yang perlu dibincangkan oleh pasangan ialah bagaimana hendak menguruskan akaun bank

pasangan, dan adakah wang pendapatan tersebut menjadi milik suami, isteri atau milik kedua-duanya. Persoalan kedua ialah, bagaimana untuk membahagikan tanggung jawab perbelanjaan rumah tangga. Dari persoalan ini timbul tiga isu yang perlu dijawab. Pertama ialah isu mengenai patutkah setiap pasangan membahagikan tanggung jawab untuk setiap perbelanjaan rumah tangga secara samarata, dan isu kedua ialah patutkah mereka meletakkan peratusan jumlah pendapatan yang diperolehi secara adil sedangkan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh pasangan tidak sama jumlah. Isu yang ketiga ialah bagaimana sesuatu perbelanjaan yang hanya satu pihak sahaja yang mampu, sedangkan pihak satu lagi tidak mampu (Lamanna & Reidmann, 1994).

5. Hukum Perkongsian Pendapatan dalam Perbelanjaan Rumah tangga

Berdasarkan pendapat ulama, isteri harus menggunakan wang atau pendapatannya untuk perbelanjaan rumah tangga apabila perbelanjaan yang diberikan oleh suami tidak mencukupi keperluan secara patut. Jika isteri dengan rela hati dan reda untuk memberikan pendapatannya kepada suami atau menggunakan pendapatannya bagi membantu suaminya yang kurang berkemampuan dalam perbelanjaan rumah tangga, maka perbuatan isteri itu akan mendapat pahala bersedekah *tatawwu'* berdasarkan kepada Hadis Rasulullah SAW mengenai Ummu Salamah yang telah menafkahkan anak-anak tirinya (anak Abu Salamah) disebabkan suaminya (Abu Salamah) kurang mampu. Hadis ini bukanlah menunjukkan kewajipan kepada Ummu Salamah untuk menafkahi atau membelanjakan hartanya bagi menyara keluarganya (Al-'Asqalani, 2000).

Imam al-Zamakhsyari dalam kitabnya *al-Kasyaf* menyatakan bahawa ayat 23 surah al-Qasas menjadi dasar hukum yang mengharuskan wanita bekerja untuk mendapatkan pendapatan bukan sahaja untuk keperluan diri sendiri, malah pendapatan yang diperolehi turut dikongsi bersama bagi menyara ahli keluarga (al-Zamakhsyari, t.t). Manakala Imam al-Tabari pula menjelaskan ayat 32 surah al-Nisa' menunjukkan bahawa al-Quran tidak melarang wanita Muslim untuk bekerja bagi mendapatkan gaji atau pendapatan daripada hasil pekerjaan yang mereka lakukan (Al-Tabari, 1969).

Sementara itu, Imam Malik dan Ibnu Hazm berpendapat wajib bagi isteri yang kaya dan berharta supaya menanggung nafkah dirinya dan nafkah suami serta perbelanjaan rumah tangga dalam keadaan suami

tidak mampu menanggung semua perbelanjaan rumah tangga. Malah segala wang daripada harta atau pendapatan isteri yang telah dikeluarkan itu tidak boleh dituntut balik dan dianggap sebagai sedekah isteri. Isteri yang solehah serta mempunyai akhlak yang mulia di samping mempunyai kelebihan dari segi pendapatan yang tinggi berbanding suaminya, semestinya akan turut membantu suami dengan rela hati tanpa paksaan dengan membelanjakan sebahagian daripada pendapatannya untuk perbelanjaan rumah tangga tidak kira waktu senang atau susah (Abu Hassan, 1996).

Dari segi keutamaan dalam bersedekah, golongan yang utama diberikan sedekah ialah kepada mereka yang berhajat dan lebih memerlukan, bahkan adalah lebih afdal bersedekah kepada mereka yang hampir dari segi hubungan kekeluargaan sebelum bersedekah kepada orang lain (al-Naysaburi, 1994). Dalam konteks perkongsian pendapatan, adalah lebih utama isteri memberikan sedekah daripada pendapatannya kepada suami yang kurang berkemampuan atau yang berpendapatan kecil sebagaimana Rasulullah SAW memberitahu kepada Zaynab isteri ‘Abd Allah bin Mas‘ud bahawa suaminya dan anak-anaknya lebih berhak menerima sedekahnya. (Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam Sepanjang Tahun 2000, 2001). Oleh itu, segala apa yang diberikan atau dihibahkan oleh isteri kepada suami dengan bukti secara syarak atau dengan pengakuan dari pihak isteri yang memberi itu, maka ia adalah menjadi milik suami (Muzakarah Jawatan kuasa Fatwa Kali Ke 4, 1982).

6. Kadar Ma'ruf Dalam Perkongsian Pendapatan Menurut Islam

Ibnu Hazm berpendapat, adalah tidak harus bagi seorang wanita yang mempunyai suami, atau seorang gadis yang mempunyai bapa bertindak menghibahkan atau mensedekahkan hartanya kepada orang lain tanpa kebenaran daripada suami atau bapanya. Pandangan ini juga dipegang oleh Sufyan al-Thawri, Abu Hanifah, al-Syafi‘ie, Abu Thur, Abu Sulayman dan sahabat-sahabat mereka yang lain (Ibn Hazm, t.t). Oleh itu, bagi isteri yang mempunyai harta atau pendapatannya sendiri, adalah lebih *awla* (utama) untuknya menghibahkan atau mensedekahkan sebahagian daripada hartanya atau pendapatannya kepada suaminya yang mempunyai pendapatan yang kecil (‘Abd al-Karim, 2000; Ibnu Hazm, t.t).

Imam Tawus, Imam al-Layth dan Imam Malik juga berpendapat bahawa suami mempunyai hak dalam mengawasi harta isterinya. Oleh

yang demikian, sekiranya isteri ingin menghibahkan atau bersedekah dari hartanya mestilah mendapat keizinan daripada suaminya terlebih dahulu (Abd al-Karim, 2000; Ibnu Hazm, t.t). Tambahan lagi, Imam Al-Layth mengatakan tidak harus bagi isteri untuk menghibahkan atau mensedekahkan hartanya kecuali dalam kadar yang sedikit, manakala Imam Malik pula telah menetapkan bahawa, isteri yang ingin menghibahkan atau mensedekahkan hartanya hanyalah sekadar satu pertiga sahaja dan tidak boleh melebihi daripada kadar tersebut (Al-'Asqalani, 1977; 'Abd al-Karim, 2000).

Dalam konteks perkongsian pendapatan, al-Qaradawi telah menyokong pendapat Imam al-Layth dan Imam Malik dengan menetapkan bahawa kadar maksimum bagi isteri yang ingin membantu suami dalam perkongsian pendapatan ialah $1/3$ daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan rumah tangga. Manakala yang bakinya pula, iaitu sebanyak dua pertiga lagi adalah menjadi tanggung jawab dan kewajipan suami untuk mengeluarkan perbelanjaan tersebut (Al-Qaradawi, 2001). Menurut beliau, dalam konteks perkongsian pendapatan antara suami isteri untuk perbelanjaan rumah tangga ada kalanya suami terpaksa menanggung sebahagian daripada kewajipan isteri maka isteri juga wajar menanggung sebahagian daripada kewajipan suami. Ini kerana apabila isteri melakukan tugas di luar rumah menyebabkan perlunya ada pembantu rumah dan guru yang mengajar anak-anak di rumah. Malah, dengan sebab isteri keluar bekerja telah berlaku pertambahan kewangan dalam perbelanjaan rumah tangga terutamanya perbelanjaan keperluan isteri seperti kos kenderaan, pembantu rumah, penjagaan anak dan sebagainya yang perlu ditanggung oleh suami ('Abd al-Karim, 2000).

Daripada pendapat Imam al-Layth dan Imam Malik itu boleh dijadikan sebagai asas untuk menetapkan kadar sumbangan isteri dalam perkongsian pendapatan di mana sekiranya isteri yang ingin menghibahkan atau mensedekahkan hartanya kepada orang lain hanya sekadar $1/3$ sahaja, maka adalah lebih utama sekiranya isteri menyumbangkan $1/3$ pendapatannya untuk membantu meringankan beban kewangan suami yang berpendapatan kecil.

7. Definisi Kualiti Hidup

Matlamat utama pembangunan keluarga ialah untuk meningkatkan taraf kualiti hidup manusia. Matlamat ini tidak mungkin tercapai tanpa peningkatan pendapatan serta penambahbaikan dalam aspek material (Pranab Mukherjee, 1993). Pembangunan keluarga bermula dengan

individu dan kelompok keluarga yang semestinya melakukan perubahan dalam berbagai aspek seperti taraf pendidikan, taraf kesihatan, kebajikan serta taraf ekonomi (Diana Canyers, 1992).

Para fuqaha telah meletakkan elemen kualiti hidup termasuk dalam kategori *maqasid syariah hajiyat* yang sangat-sangat diperlukan dalam kehidupan manusia bertujuan untuk menjamin kemanfaatan serta kesenangan (maslahah); dan menolak kerosakan (mafsadah) atau kesempitan. Dengan perkataan lain, keperluan hajiyat ini dapat menjamin penerusan kesinambungan kehidupan manusia di dunia (Al-Syatibi, 1985).

Kualiti hidup pada asasnya boleh dicapai apabila jumlah pendapatan sesebuah keluarga telah meningkat sehingga mampu untuk menikmati kehidupan yang selesa (*hajiyat*) melebihi kadar yang asasi (*daruriyat*) (Robert Chambers, 1983). Para fuqaha melihat elemen dalam kualiti hidup berdasarkan kepada nafkah isteri dan keluarga yang menjadi tanggungan suami terbahagi kepada dua jenis iaitu nafkah asasi dan bukan asasi. Nafkah asasi ialah nafkah yang menjadi keperluan daruri (asas) dalam kehidupan manusia yang mencakupi keperluan makanan, pakaian dan rumah kediaman (Ibnu Qudamah, 1983; al-Syirazi, t.t). Nafkah asasi ini telah disebut secara jelas dalam al-Quran dan hadis.

Bagaimanapun, terdapat juga nafkah yang menjadi tanggung jawab suami untuk disediakan tetapi tidak dinyatakan secara jelas dalam al-Quran dan hadis, namun telah ditambah oleh sesetengah fuqaha yang dinamakan sebagai nafkah bukan asasi atau lebih tepat lagi nafkah ini dinamakan sebagai perbelanjaan keperluan rumah tangga. Perbelanjaan keperluan tersebut membolehkan seseorang itu menjalani kehidupan yang berkualiti merangkumi alat kebersihan peribadi (*alatu tanzif*), kosmetik isteri, pelengkap dan perhiasan rumah tangga (*mata' al-bayt*), pembantu rumah (*khadim*) dan kos rawatan perubatan isteri (Ibnu Qudamah, 1989; Ibnu 'Abidin, 1966; al-Nawawi, 1983).

Ibnu 'Abidin telah memperincikan bahawa yang termasuk di bawah perbelanjaan keperluan rumah tangga ialah kos perbelanjaan anak dan segala keperluan yang berkaitan dengan anak. Manakala sarjana Barat seperti Lauer (2002) telah menambah beberapa elemen lain seperti kenderaan yang baik, insurans kesihatan dan pendidikan, serta duit simpanan (tabungan) termasuk dalam kategori keperluan rumah tangga kerana keempat-empat elemen tersebut penting untuk membolehkan sesebuah keluarga mencapai tahap kualiti hidup (Lauer et al., 2002).

Daripada gabungan pendapat sarjana Islam fuqaha dan sarjana Barat, dapat disimpulkan bahawa untuk mencapai taraf kualiti hidup yang

sempurna, adalah menjadi tanggung jawab suami untuk memenuhi kedua-dua elemen nafkah iaitu nafkah asasi dan nafkah keperluan kualiti hidup yang selesa dan mencukupi (*ma'ruf*).

Perkongsian pendapatan boleh dilakukan oleh isteri dalam kedua-dua aspek iaitu aspek nafkah asasi dan nafkah keperluan rumah tangga (Al-Syarbini, t.t). Menurut pandangan majoriti fuqaha, apabila disebut nafkah isteri, ia merangkumi tujuh jenis nafkah yang wajib diberikan oleh suami kepada isteri iaitu makan-minum (termasuk lauk-pauk dan keperluan dapur), pakaian, rumah kediaman, pembantu rumah, alat kebersihan peribadi dan kosmetik, kelengkapan atau perhiasan rumah tangga dan kos rawatan serta perubatan isteri (Ibnu Qudamah, 1983). Termasuk juga jenis nafkah yang menjadi keperluan kualiti hidup yang telah disepakati oleh jumhur fuqaha sebagai perbelanjaan untuk keperluan *hajiyat* bagi melengkapinya keselesaan dan menjamin kualiti dalam kehidupan seperti seperti kos penjagaan anak dan segala perbelanjaan yang berkaitan dengan keperluan anak, perbelanjaan untuk kenderaan yang baik (bayaran ansuran kereta), insurans untuk kesihatan dan pendidikan dan wang simpanan (tabungan) untuk masa depan (Ibnu 'Abidin, t.t; 'Ali al-Khurasi, 1689; 'Abd al-Karim, 1973).

8. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah survei bagi mendapatkan maklumbalas amalan perkongsian pendapatan suami isteri dan impaknya terhadap kualiti hidup. Sampel dipilih menggunakan kaedah persampelan purposif secara rawak. Sebanyak 800 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden di kawasan yang dikaji. Kajian ini melibatkan tiga zon di Shah Alam mengikut pembahagian Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) iaitu Zon Utara (Seksyen U1 hingga U20), Zon Tengah (Seksyen 1 hingga Seksyen 24) dan Zon Selatan (Seksyen 25 hingga Seksyen 36). Jumlah keseluruhan penduduk Shah Alam ialah seramai 554720 orang, manakala penduduk Melayu Islam ialah 237,555 orang (berdasarkan statistik MBSA tahun 2008, tiada data terkini). Sampel kajian terdiri daripada isteri yang bekerja di mana kebiasaannya mereka berkongsi pendapatan dengan suami. Sampel isteri berkerja telah dipilih dalam kajian ini, dan bukannya sampel lelaki (suami) kerana untuk mengelakkan daripada mendapat jawapan yang bias (kecenderungan) pada sebelah pihak sahaja iaitu pihak suami kerana suami adalah pemberi nafkah utama dalam rumah tangga. Ini boleh menyebabkan data yang

diperolehi kurang tepat. Data kajian ini dianalisa secara deskriptif dengan fokus utamanya adalah frekuensi dan peratusan maklumbalas responden.

9. Analisa Dan Perbincangan Amalan Perkongsian Pendapatan Dalam Aspek Kualiti Hidup

Dapatan kajian menunjukkan 88.2% isteri mengamalkan perkongsian pendapatan dalam perbelanjaan nafkah asasi iaitu perbelanjaan untuk makan-minum dan keperluan dapur, pakaian dan rumah kediaman manakala 11.8% isteri tidak berkongsi pendapatan kerana semua perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh suami. Kajian juga mendapati 84.2 % isteri yang mengamalkan perkongsian pendapatan dengan suami dalam aspek perbelanjaan nafkah untuk kesesuaian rumah tangga.

Daripada jumlah keseluruhan isteri yang berkongsi pendapatan, 63% membeli pakaian mereka sendiri, 59.1% memperuntukan pendapatan untuk kos rawatan dan perubatan, 64.2% untuk kelengkapan dan keperluan rumah tangga, 62.2% untuk persekolahan dan pelajaran anak dan 63.6% untuk simpanan atau tabungan. Ini menunjukkan isteri telah menyumbangkan pendapatannya melebihi kadar 2/3 daripada jumlah perbelanjaan bagi aspek-aspek tersebut. Manakala suami pula banyak membelanjakan pendapatannya untuk membayar ansuran rumah (58.5%) dan ansuran kereta (61.4%), serta perbelanjaan lain seperti makan-minum dan keperluan dapur (46.5%), perbelanjaan upah penjagaan anak (46.7%) dan juga perbelanjaan untuk insuran kesihatan dan pendidikan (47.4%).

Keperluan kepada isteri untuk menyumbangkan pendapatan mereka adalah disebabkan kos sara hidup yang tinggi. Kos sara hidup tinggi menyebabkan berlaku kemiskinan bandar (*urban poverty*) kerana pendapatan suami tidak mencukupi untuk menanggung semua perbelanjaan rumah tangga. Kos sara hidup yang tinggi di bandar menyebabkan masyarakat terpaksa membayar lebih untuk keperluan hidup seperti rumah, makanan, kenderaan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Fenomena ini telah menyebabkan pendapatan suami tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan keperluan hidup yang lain. Oleh kerana itu, isteri perlu menyumbang pendapatan mereka bagi menampung perbelanjaan keperluan harian yang tidak mencukupi. Kos sara hidup dianggap tinggi apabila jumlah pendapatan yang diperuntukkan untuk membayar hutang rumah melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan pendapatan (Eitzen & Maxine, 2004).

10. Impak Amalan Perkongsian Pendapatan Terhadap Kualiti Hidup

Terdapat dua isu utama yang timbul ekoran daripada amalan perkongsian pendapatan dalam perbelanjaan rumah tangga. Isu pertama ialah pengabaian nafkah oleh suami terhadap isteri dalam aspek nafkah asasi (makanan, pakaian dan rumah kediaman) dan juga pengabaian langsung dalam aspek nafkah untuk kualiti hidup. Kajian ini menunjukkan pengabaian langsung suami terhadap nafkah asasi iaitu nafkah makanan ialah 7.6 %, nafkah pakaian ialah 8.5 % dan nafkah rumah kediaman ialah 12.4 %. Jumlah keseluruhan suami yang mengabaikan nafkah untuk perbelanjaan keperluan asasi isteri ialah 9.5 %.

Dapatkan kajian menunjukkan pengabaian langsung suami terhadap nafkah kualiti hidup yang mencakupi nafkah perbelanjaan barang peribadi dan peralatan kosmetik isteri ialah 25.2 %, nafkah perbelanjaan rawatan dan perubatan ialah 6.7%, nafkah perbelanjaan kelengkapan dan perhiasan rumah tangga ialah 5.9%, nafkah perbelanjaan persekolahan dan pendidikan anak ialah 6.4%, nafkah untuk bayaran penjagaan anak ialah 13.8%, nafkah membayar gaji pembantu rumah 7.2%, nafkah untuk bayaran ansuran kereta ialah 15.2%, nafkah untuk insurans kesihatan dan pendidikan ialah 14.1 % dan nafkah untuk wang simpanan (tabungan) ialah 15.2%. Jumlah keseluruhan suami mengabaikan nafkah untuk perbelanjaan keperluan kualiti hidup keluarga ialah 12.2%.

Isu kedua ialah nafkah asasi dan nafkah untuk kualiti hidup yang diberikan oleh suami kepada isteri kurang daripada kadar *ma'ruf* yang sepatutnya untuk mencukupi keperluan isteri. Kurang daripada kadar *ma'ruf* bermaksud ketidakcukupan kadar 2/3 daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan rumah tangga. Ini bermakna, isteri perlu membelanjakan antara 50% hingga 75% daripada jumlah keseluruhan pendapatan; manakala suami hanya membelanjakan 25% hingga 50% pendapatannya untuk mencukupi keperluan hidup.

Dapatkan kajian ini menunjukkan 52.6 % suami memberi nafkah asasi kurang dari kadar *ma'ruf* untuk keperluan isteri. Daripada jumlah tersebut, 53.5% pendapatan suami dibelanjakan untuk makanan, 62.9% untuk nafkah pakaian dan 41.5% nafkah rumah kediaman.

Bagi nafkah keperluan kualiti hidup, sebanyak 53.2% suami didapati memberikan nafkah kurang dari kadar yang *ma'ruf*. Daripada jumlah tersebut, 49% pendapatan suami dibelanjakan untuk barang peribadi dan peralatan kosmetik isteri, 59.1% untuk perbelanjaan rawatan dan perubatan, 64.2% untuk perbelanjaan kelengkapan dan hiasan rumah,

62.2% untuk nafkah perbelanjaan persekolahan dan pendidikan anak, 53.3% untuk bayaran penjagaan anak, 36.2% untuk membayar gaji pembantu rumah, 38.6% untuk bayaran ansuran kereta, 52.6% untuk insuran kesihatan dan pendidikan dan 63.6% untuk wang simpanan (tabungan).

Jika melihat kepada piawaian penetapan *hadd kifayah* yang telah digariskan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) bahawa jumlah pendapatan suami yang mencukupi kadar *ma'ruf* ialah RM2,000 sebulan setelah mengambil kira jumlah tanggungan dan perbelanjaan untuk diri suami sendiri. (Risalah yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor). Dalam kajian ini, jumlah suami yang berpendapatan RM2,000 dan ke atas ialah sebanyak 71.6%. Ini menunjukkan jumlah suami yang berpendapatan mencukupi *hadd kifayah* untuk menanggung nafkah isteri secara maafur adalah tinggi iaitu 71.6%. Bagaimanapun, lebih separuh suami yang memberikan nafkah tidak mencukupi kadar *ma'ruf* bagi nafkah asasi dan nafkah untuk kualiti hidup.

11. Kesimpulan

Para fuqaha telah meletakkan elemen-elemen yang disebutkan sebagai keperluan *hajiyat* (keselesaan) selepas keperluan *daruriyat* (asasi) iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal yang bertujuan untuk menjamin kemaslahatan dan menolak kefasadan (kerosakkan) supaya manusia dapat meneruskan kesinambungan hidup di dunia. Bagi memenuhi keperluan tersebut, pihak suami dipertanggungjawabkan memberi nafkah yang secukupnya berdasarkan kadar yang maafur. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa daripada amalan perkongsian pendapatan antara suami isteri mampu memenuhi elemen penting bagi mencapai tahap kualiti hidup yang sempurna mencakupi tahap kesihatan dan penjagaan kualiti kesihatan, aspek kualiti pendidikan, kelengkapan serta perhiasan rumah tangga yang kondusif, di samping mempunyai kenderaan yang baik dan mampu memiliki insurans kesihatan dan insurans pendidikan untuk menjamin masa depan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diduga. Bagaimanapun, perkongsian ini telah menyebabkan suami mengabaikan tanggung jawab dalam memenuhi keperluan kualiti hidup kerana sebahagian besar perbelanjaan disumbangkan oleh isteri. Manakala suami lebih banyak membelanjakan pendapatan mereka untuk membayar ansuran hutang rumah dan ansuran hutang kereta.

12. Rujukan

‘Abd al-Karim Zaydan. (2000). Al-Mufassal Fi ahkam al-Mar’ah Wa al-Bayt al-Muslim Fi Syari’ah al-Islamiyah. Jilid 4. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Abd Rashid, A.R., (2001). Perubahan Paradigma Nilai Ke Arah Transformasi Sosial Dan Pembentukan Malaysia Baru. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Abu Hassan Din al-Hafiz (1996). Krisis Rumah Tangga dan Cara Mengatasinya. Kuala Lumpur: Darul Nu’man.

Al-Haramayn, al-Juwaini Abd al-Malik bin ‘Abd Allah (1997). Fiqh al-Imam al-Haramayn Khasa’isuhu Atharuhu Manzilatuhu. Cet. 2. T.T.P: Dar al-Wafa’.

Al-Qaradhawi, Yusuf (2001). al- Hady al-Islam Fatawa Mu’asarah. Kuwait: Dar al-Qalam Li Nasyar Wa al-Tawzi’.

Al-Quran Dan Terjemahan Tafsir Pimpinan Rahman kepada Pengertian Al-Quran (30 Juzu’), (2010). Cet. 21, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Al-Syafi‘ie, Muhammad b. Idris (1970). Al- Umm. Jilid 8. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Syatibi, Abi Ishaq,(1985). al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah. Cet. 2. Qahirah: Matba’ah Subaih.

Anas bin Malik (1323H). Al-Mudawwanah al-Kubra. Jilid 2. Beirut: Dar Sadir.

Berns, Roberta M. (1993). Child, Family, Community Socialization and Support, 3rd Edition.

Bustani (1976), Munjid al-Tullab. cet. 33. Beirut, Lubnan: al-Maktabah al-Syarqiyah.

Canyers, Diana, (1992). An Introduction to social planning in the Third World. New York: John Wikley & Sons Ltd.

Chambers, Robert. (1983). Rural Development Putting The Last First. 9th Edition. England: Longman Scientific & Technology.

D. Stanley Eitzen & Maxine Baca Zinn (2004), *Social Problems with Research Navigator*. United States of America: Pearson Education Inc.

Edinburgh: Pearson Education Limited.

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam Sepanjang Tahun 2000 (2001), Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan.

Gadsly, Adam et al., (ed.) (2001). Longman Dictionary of Contemporary English. 3rd Edition. England: Pearson Education Limited.

Hajar, 'Ali al-'Asqalani (2000). *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari. Juzu' 11*. Beirut: Dar al-Fikr.

Hajar, 'Ali al-'Asqalani al-'Asqalani (1977). *Fath al-bari Bi Syarh al-Nawawi. Jilid 5*. Mesr, al-Azhar: Tanpa Penerbit.

Hajjaj, Muslim al-Naysaburi (1994). *Sahih Muslim Bi Syarah al-Nawawi. juzu'*. 7. cet. 2. t.t.p: Mu'assasah al-Qirtabah.

Ibn Kathir (m.774H) (1408H/1986), *Tafsir Ibnu Kathir*, jilid 4, Beirut: Dar al-Fikr.

Ibnu 'Abidin (1966). *Hasyiyah Radd al-Muhtar 'ala Durr al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Mukhtar al-Absar. Juzu'*. 3. cet. 2. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibnu Hazm, Sa'īd Ahmad. (t.t), *al-Muhalla*. Jilid10. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadid.

Ibnu Hazm, Sai'īd Ahmad. (t.t). *al-Muhalla Tahqiq Li Jannah Ihya' al-Turath al-'Arabiyy*. Jilid 10. Beirut: Dar al-Afaq al- Jadidah.

Ibnu Qudamah, Ahmad 'Abd Allah. (1983), *al-Mughni Wa Syarah al-Kabir*. Jilid 11. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.

Iqram, Fu'ad al-Bustani (1976). *Munjid al-Tullab*. cet. 33. Beirut, Lubnan: al-Maktabah al-Syarqiyah.

Jarir, Muhammad al-Tabari, (1969). *Tafsir al-Tabari, Jami'al-Bayan Fi Ta'wil al-Quran*. jilid. 4. cet.3. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Keputusan Fatwa Kebangsaan Siri 1 (2007), Muzakarah Jawatan kuasa Fatwa Kali Ke 4 pada 13-14 April 1982. cet. 2. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,

Khadijah Mohd Salleh (1985). Women in Development. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).

Khatib, Al-Syarbini (t.t), Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj. Jilid 3. Mesir: Matba'ah al-Mustafa al-Babi al-Halabi.

Khatib, Al-Syarbini (t.t). Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah ma'ani aAlfaz al-Minhaj. Jilid 3. Beirut: Dar al-Fikr.

Lamanna, Mary Ann & Reidmann, Agnes (1994), Marriages and Families Making Choices And Facing Change. 5th Edition. Belmont, California: Wadsworth Publishing Company.

Lauer, Robert H. et.al. (2002). Social Problem and the Quality of Life. 8th Edition. New York: Mc Graw Hill Companies.

Maliki,'Ali al-Khurasyi (1689). al- Khurasyi 'Ala Mukhtasar Sidi Khalil. Jilid 4. Tanpa Tempat Penerbit: Dar al-Fikr.

Mira, Komarovsky (1967). Blue Collar Marriage. United States of America: Random House Inc.

Nafi, 'Abd Allah Wahid. (1979), al-Insan Fi al-Islam. Qahirah: T.T.P.

Nawawi, Abi Zakariya. al- Mughni al-Muhtaj 'Ala Minhaj al-talibin, (t.t), jilid 3. T.TP: Dar al-Fikr.

Noresah Baharom, Rusni Abdul Ghani, Md. Nor Hj. Ab Ghani, Ibrahim Ahmad, Azizah Tajuddin, Salleh Jabar, Mariam Mahmud, Diarani Mat Adam & Rahmah Othman. Ed. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Razi, Muhammad. (1994). Tafsir al-Fakhr al-Razi. Jilid 9. Beirut: Dar al-Fikr.

Risalah yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor.

Sulayman, al-Bujayrimi, (1981) Bujayrimi 'Ala al-Khatib Hasyiyah Bi al-Iqna', Jilid.4. T. P.: Dar al-Fikr.

Summers, Dellas et.al. (dir.) (2001). Dictionary of Contemporary English. 3rd Edition.

Tabari, Ibnu Jarir (1988), Jami'al-Bayan 'An Ta'wil Ayi al-Qur'an. Juzu'2. Beirut: Dar al-Fikr.

Turner, Jeffrey S. and Helms, Donald B. (t.t). Introduction to Marriage and Family Transitions. Tanpa Tempat Penerbit.

United States of America: Rinehart and Winston Inc.

Zamakhsyari. (t.t). al-Kasysyaf. Jilid 2. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.